

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMASA MERASMIKAN SEMINAR UNDANG-UNDANG KETERANGAN DAN
PROSEDUR MAHKAMAH DI INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

TEMPAT: JALAN DUTA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 OCT 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Undang-undang dan sistem kehakiman Islam telah berkembang dalam jarak masa yang amat panjang. Pada mulanya ia tertumpu kepada keadaan tidak teratur dan zalim yang terdapat dalam masyarakat jahiliah di Mekah. Tekanan undang-undang Islam dan proses kehakiman ialah terhadap menentukan keadilan berlaku dan kezaliman dicegah. Sistem kehakiman Islam menekankan keadilan yang tinggi dan tidak membenarkan ia digunakan dalam keadaan yang boleh menimbulkan kezaliman. Justeru itu Allah berfirman dengan maksud "Jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil". (al-Ma'idah ayat 42).

2. Suatu perkara yang tidak boleh bertolak ansur dalam sistem kehakiman Islam ialah keadilan, dan keadilanlah yang menjadi pokok pangkal kepada mana-mana sistem undang-undang. Sebenarnya dalam Al-Quran tuntutan kepada keadilan dan pencegahan kezaliman diulang dan diulangi berpuluh-puluh kali.

3. Bukan kerana pandangan atau pujian orang, tetapi kerana tanggungjawab kita untuk menjunjung dan menghayati ajaran Islam berkenaan keadilan, maka adalah sangat wajar bagi ahli-ahli undang-undang Islam dan para kadi meningkatkan ilmu dan benar-benar memahami tujuan hakiki undang-undang Islam agar keadilan yang menjadi nadinya terserlah dan nyata.

4. Kita perhatikan bahawa undang-undang Islam sebenarnya dinamik. Sifat dinamisma itu wujud kerana wujud padanya ciri 'flexibility' yang merupakan ciri pokok dalam hukum Islam, kerana hukum fiqah tidak terpisah daripada realiti sosial dan keadaan persekitaran. Demikianlah dengan semua ibadat dalam Islam, ianya boleh diamal mengikut keadaan pengamal dan alam sekeliling. Ia tidak bertujuan untuk menyusah, jauh sekali menyeksa umat Islam. Demikian jugalah dengan undang-undang Islam. Tujuannya bukan untuk mendera tetapi untuk menjadi pengajaran dan untuk kebaikan masyarakat. Dalam keadaan realiti sosial yang berubah-ubah Ibn Khaldun menyatakan:
"The conditions, interests, customs and sects of the world and nations do not continue according to any specific pattern or stable program. There is always change from

time to time and from one condition to another. In as much as this applies to persons, times and provinces, it applies likewise to countries, ages and states. Such is God's order amongst His creatures. This social reality undoubtedly leads to a change in people's interests. In view of the fact that the interests of the people are the foundation of the Shari'ah, it is both necessary and reasonable that the Shari'ah rules should undergo changes to suit the changing conditions and needs."

Dalam konteks yang sama Ibn Qayyim menekankan:-

"Legal interpretation should undergo change with the change of times, places, conditions, intentions and customs; ignorance of this fact has resulted in grievous injustices to the Shari'ah and has caused many difficulties, hard - ships and sheer impossibilities, although it is known that the noble Shari'ah, which serves the highest interest of mankind would not sanction such results."

5. Kita baca kaedah fiqah yang menyebut "Rules of Law vary with the change of times" atau "hukum hakam berubah dengan perubahan masa". Kaedah ini telah diterima oleh ulama fiqah silam dan sekarang.

6. Berdasarkan kepada kaedah ini, tidaklah salah, malah menjadi tanggungjawab kepada ulama Malaysia hari ini mencuba dengan penuh berani, menilai kembali dan mengetahui hukum hakam silam agar ia serasi dan boleh dipakai di zaman kita dalam keadaan yang terdapat di negara ini.

7. Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak berpendapat bahawa hukum hakam silam itu salah dan tidak boleh dipakai. Tetapi oleh kerana kita tahu bahawa hukum hakam silam yang dikeluarkan oleh ulama silam itu ialah bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan dan keadaan di zaman mereka, maka mereka bukanlah berhasrat agar hukum hakam mereka dipakai untuk menjawab persoalan lebih 1000 tahun kemudian. Realiti zaman kini sangat jauh berbeza dengan realiti 1000 tahun yang silam. Hukum hakam juga perlu ikut berbeza. Kalau kita tidak berani membuka pintu akal kita kepada tafsiran baru terhadap kaedah silam, maka Syariah Islam akan dianggap sebagai tidak dinamik, lesu dan kaku. Sebenarnya bukan Syariah yang lesu tetapi akliyah kita barangkali yang kaku. Kalau hal ini terjadi, ia bermakna kita kurang faham mengapa Imam Shafie menukarkan pendapatnya yang dikeluarkan di Iraq apabila beliau menetap di Mesir. Demikian di zaman Raja begitu berkuasa dan bengis, ada ulama yang sanggup mentafsir ajaran Islam sebagai membenar simpanan beratus-ratus gundik yang dijaga oleh lelaki yang sudah dikasi. Tafsiran ini dibuat kerana takut sesuatu terjadi kepada diri sendiri. Demikian juga dengan ajaran Islam berkenaan poligami. Dalam masyarakat jahiliah yang mana orang yang berada dan berkuasa mempunyai bilangan isteri yang tidak terhad, menghadkan isteri kepada empat orang sahaja merupakan pembatasan terhadap amalan lama. Tetapi jika diteliti betul-betul adalah jelas bahawa yang dibenarkan hanya satu sahaja kerana tidak mungkin seorang suami boleh

berlaku adil kepada dua, tiga atau empat isteri. Sepertimana larangan terhadap meminum arak dibuat berperingkat-peringkat, larangan terhadap poligami ada tersirat dalam ayat yang ternampak seolah-olah mengizinkan. Sudah tentu ayat itu tidak boleh ditafsirkan sebagai menyuruh atau memaksa pengamalan poligami. Tetapi dalam keadaan tertentu ayat ini jelas membolehkan amalan ini.

8. Jika dikaji pula daripada sudut keadilan, dalam masyarakat biasa di mana lelaki dan perempuan hampir sama banyak, sudah tentu jika seorang lelaki mengambil empat isteri maka masyarakat akan kekurangan tiga isteri untuk tiga lelaki. Jika poligami menjadi amalan menyeluruh, sudah tentu akan ada lebih ramai lelaki yang tidak mempunyai isteri. Masyarakat yang dipenuhi dengan ramai lelaki yang tidak beristeri bukan sahaja tidak akan mencerminkan keadilan Islam tetapi juga tidak akan aman. Justeru itu apakah umat Islam harus terima dengan mudah tafsiran yang begitu cetek, yang tidak mengambilkira keadilan sosial yang dituntut oleh agama Islam? Apakah kita tidak harus memikir semula bukan untuk menukar ayat-ayat yang terdapat dalam Al-Quran atau hadith, tetapi terhadap tafsiran yang dibuat oleh ulama silam dalam keadaan sosial yang berbeza?

9. Seminar mengenai prosedur undang-undang dan keterangan di Mahkamah Syariah barangkali boleh dikaitkan dengan langkah berani untuk meneliti secara rasional peraturan silam dan menerima peraturan baru yang serasi dan sesuai dengan keadilan dalam Islam dan status Mahkamah Syariah zaman ini.

10. Saudara-saudari tentu bersama saya mengakui bahawa banyak prosedur dan keterangan yang telah dipakai di Mahkamah Syariah di masa lalu sudah tidak sesuai lagi, dan sistem kehakiman Mahkamah Syariah memerlukan kepada undang-undang prosedur dan keterangan yang baru dan lebih mantap. Sekurang-kurangnya tidak ada larangan dalam Islam bagi kita mengkaji yang lama dan mencipta yang baru yang juga tidak bertentangan dengan Islam.

11. Kita dengan penuh yakin menyatakan bahawa hukum-hukum syarak itu baik dan adil, tiada cacat dan cela, sesuai belaka. Namun demikian, kebaikan dan keadilan akan tercemar, andainya ia ditadbirkan dengan sewenang-wenang tanpa mengikut prosedur dan peraturan. Malah prosedur yang kemas dan peraturan keterangan yang rapi itu akan tidak bermakna jika ia diketepikan dalam perbicaraan. Jangan sampai Mahkamah Syariah pula menjadi bukti kepada kenyataan sinis "undang-undang Islam yang adil itu dipandang sebagai zalim apabila ia ditadbirkan dengan kucar kacir." Rasulullah s.a.w. telah dipetik sebagai bersabda:- "Kamu boleh serah undang-undang yang tidak adil kepada hakim yang adil, tetapi kamu jangan serah undang-undang yang adil kepada hakim yang zalim."

12. Jika segala-galanya diserahkan kepada hakim-hakim untuk diurus mengikut budibicara mereka, tafsiran dan hukum akan

berbeza-beza. Apakah hukuman yang berbeza-beza berkenaan jenayah yang sama boleh dianggap adil?

13. Ini semua mencerminkan betapa perlunya undang-undang prosedur dan keterangan yang lengkap. Di samping itu penting juga para kadi dan hakim mahkamah benar-benar memahami dan mengikuti serapatnya undang-undang ini. Kalaupun berlaku sebaliknya maka Mahkamah Syariah akan menjadi sasaran ejekan dan cemoahan.

14. Kerajaan sedar bahawa status Mahkamah Syariah dan hakim-hakimnya perlu dipertingkatkan agar mereka benar-benar mencerminkan keadilan hukum syarak. Tetapi sebelum itu, kredibiliti dan ketertiban dalam pentadbiran hukum syarak hendaklah ditingkatkan bersama. Jika kita boleh memperkenalkan sistem perbankan Islam sehingga ia diterima umum, tidak ada sebab kita tidak boleh memperlihatkan pentadbiran hukum syarak yang tidak akan meragukan sesiapa.

15. Di samping itu adalah bermanfaat jikalau para hakim Mahkamah Syariah dapat mengadakan perbincangan secara intensif dan akademik mengenai semua aspek undang-undang yang berkaitan dengan mahkamah. Peningkatan daya ilmu dan daya fikir, pemahaman terhadap isu-isu semasa yang kian rumit adalah juga perlu.

16. Kita dapati ramai kadi di zaman silam seperti Abu Yusuf, Abu Ya'la dan Qadikhan telah menulis banyak kitab yang telah menjadi rujukan kepada ramai orang hingga ke hari ini. Kitab-kitab itu ditulis hasil daripada pengalaman praktikal mereka semasa menghakimi perbicaraan.

17. Prinsip 'flexibility' dan kaedah 'gradation' dalam perundangan Islam perlu diberi perhatian yang serius semasa kita menggubal undang-undang termasuk undang-undang Islam. Kaedah yang diterima oleh semua ulama fiqah ini memberi peluang praktikal dalam kita menerapkan nilai-nilai hukum-hukum syarak ke dalam sistem undang-undang negara. Kaedah ini juga pasti memberi ruang yang baik kepada perkembangan yang harmonis kepada hukum syarak di negara kita. Tiada seorang pun daripada kalangan kita yang ingin melihat pentadbiran hukum syarak dibuat tanpa peraturan dan secara sambil lewa. Kita semua benar-benar ingin melihat perkembangannya secara positif, teratur dan aman.

18. Kita sebut prinsip 'flexibility' dan kaedah 'gradation' ini bukanlah untuk dijadikan alasan apologetik untuk kita tidak memberi apa-apa perhatian kepada perkembangan hukum syarak. Kita semua harus memberi perhatian. Cuma kita rasa tidak wajar hukum syarak ini dilaksanakan secara terpisah daripada perkembangan aspek-aspek lain seperti sosial, budaya, ekonomi dan politik. Hal-hal ini harus diambilkira agar hukum syarak dapat dihayati dengan baik dan jaya.

19. Untuk menyempurnakan hasrat ini suatu Jawatankuasa Induk Penyelarasan Undang-undang Malaysia dan Hukum Syarak telah ditubuhkan di bawah Pusat Islam, Jabatan Perdana

Menteri. Jawatankuasa ini boleh memberi cadangan pindaan dan penyesuaian mana-mana undang-undang negara untuk mencapai matlamat penerapan hukum syarak ini ke dalam kerangka dan isi undang-undang negara.

20. Kita maklum bahawa hal-ehwal agama Islam termasuk undang-undangnya adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan negeri. Ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan negeri mempunyai hak dan tanggungjawab mutlak atas segala perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Kita semua ada hak dan ada tanggungjawab terhadap agama kita. Kerajaan Persekutuan juga ingin berkongsi hak dan tanggungjawab ini dengan pihak-pihak lain. Penyelarasan antara hak dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu sentiasa wujud dan berterusan. Penyelarasan yang paling berkesan ialah yang dilakukan melalui syura dan perundingan dalam suasana yang baik dan bukan dalam suasana tegang. Kita semua maklum bahawa melalui syura masalah akan dapat diselesaikan tanpa banyak salah faham. Di samping itu ia akan dapat menghapuskan banyak kekeliruan di kalangan orang ramai. Pada akhirnya kita akan dapat mencapai hasrat agama kita untuk menyatupadukan umat yang diidam-idamkan.

21. Penyelarasan undang-undang keterangan dan acara jenayah dan sivil Mahkamah Syariah merupakan antara langkah yang positif ke arah penyatuan undang-undang Islam di Malaysia. Kita harap banyak lagi aspek keagamaan yang boleh diselaraskan tanpa dilengahkan.

22. Memang ada beberapa peruntukan undang-undang yang perlu diteliti dan kalau boleh diberi tafsiran baru supaya penerapan nilai-nilai hukum syarak ke dalam undang-undang negara dan penyelarasan antara kuasa persekutuan dan kuasa negeri dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan. Bolehkah ditafsirkan bahawa kuasa membuat undang-undang yang dianggap sebagai ada kaitan dengan hukum Islam yang tidak ada pada Kerajaan negeri itu secara langsung terletak pada kuasa Kerajaan Persekutuan? Dalam perkataan lain daripada segi undang-undang ketiadaan kuasa undang-undang di peringkat negeri bolehkah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan? Ahli-ahli undang-undang boleh membincangkan isu ini dan membuat rumusan untuk diteliti oleh Kerajaan.

23. Saya ingin menyentuh mengenai kedudukan Mahkamah Syariah. Kita semua maklum bahawa Mahkamah Syariah berada di luar struktur umum kehakiman negara. Hal ini disebabkan oleh latarbelakang sejarah dan undang-undang di negara majmuk dan berbagai-bagai agama. Ia sudah berlaku demikian. Hal ini tidaklah bermakna bahawa kedudukan Mahkamah Syariah boleh dipandang rendah dan dibiarkan. Ini adalah kerana jika ada keaiban pada Mahkamah Syariah, keaiban itu adalah merupakan keaiban kita dan keaiban umat Islam di Malaysia. Kita semua, termasuk hakim-hakim Mahkamah Syariah mestilah berusaha seberapa yang mungkin untuk meningkat dan meletakkan Mahkamah Syariah di tahap yang sesuai. Kerjasama yang rapat di antara Mahkamah Syariah dengan sivil perlu dipertingkatkan. Interaksi antara ahli undang-undang sivil

dan undang-undang syarak perlu dirapatkan. Walaupun keduanya terpisah, perpisahan itu tidak sepatutnya sehingga bertentangan. Persamaan prinsip dan matlamat untuk menegakkan masyarakat yang adil perlu diadakan.

24. Saya difahamkan bahawa struktur mahkamah sudah disusun semula dan sudah dipersetujui. Saya berharap semua negeri menyegerakan pelaksanaan struktur mahkamah yang dipersetujui itu. Cubalah jangan mencari helah untuk tidak melaksanakan apa yang sudah diputuskan itu. Cuma suatu perkara yang belum diputuskan ialah isu Mahkamah Rayuan Syariah. Apakah bentuk dan kosisinya? Di manakah letaknya? Di bawah kuasa negeri atau persekutuan? Apakah ada peruntukan undang-undang untuk meletakkannya di bawah kuasa persekutuan atau tidak? Kalau tidak, apakah ketiadaan undang-undang itu boleh diisi oleh undang-undang persekutuan? Tuan-tuan boleh membincangkannya dan membuat cadangan kepada Kerajaan. Mana-mana yang baik tidak patut dibiarkan dan mana-mana yang buruk tidak patut dikekalkan.

25. Mahkamah Syariah memang diberi kuasa yang terbatas oleh undang-undang. Namun demikian janganlah kita merasa terkilang. Keadaan dalam negara majmuk dengan penduduk berbagai-bagai agama memaksa kita menangani soal perundangan dan pengadilan dengan berhati-hati supaya ketidak-adilan tidak berlaku. Kita berharap undang-undang keterangan dan prosedur Mahkamah Syariah itu dapat dipakai dengan setepat mungkin dan Mahkamah Syariah perlu membuktikan kecekapannya dalam mentadbirkan kehakiman syarak setinggi mungkin. Insya-Allah dengan berkat dedikasi dan keikhlasan semua pihak, Mahkamah Syariah akan dihormati dan disanjung tinggi kerana pengadilannya yang tertib dan adil.

26. Dengan penghormatan yang diberikan kepada saya, dengan sukacitanya saya merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah ini.